

Laluan ke Arah Pembandaran di Malaysia

ABDUL SAMAD HADI

ABSTRAK

Penelitian geografi tentang pertumbuhan ekonomi, pembangunan serta kesannya terhadap masyarakat memerlukan pendekatan yang lebih secocok dengan keadaan setempat bagi mendapatkan kefahaman mendalam tentang perkara itu. Hal ini seiring dengan pengkonsepsian ruang yang telah berkembang meluas daripada ruang geografi yang menjangkau ke ruang sosial dan ruang siber. Migrasi dari desa ke bandar seharusnya diteliti dalam konteks perubahan ruang ini. Struktur dalaman bandar ketika pembentukan bandar di Malaysia masa dahulu berkembang melalui proses kolonialisme Inggeris yang melibatkan migrasi dari desa ke bandar di kalangan orang Melayu dalam jumlah yang kecil, pekerjaan yang terbuka kepada mereka terbatas manakala pengalaman pembandaran pula terhad. Pengalaman migran di bandar mula meluas sedikit selepas negara merdeka, lebih-lebih lagi sejak pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB). DEB membawa perubahan meluas dan mendalam di kalangan masyarakat Melayu dan Malaysia di mana migran desa boleh mendapatkan pekerjaan dalam pelbagai bidang dan di pelbagai lapisan dalam hirarki pekerjaan bandar. Di samping itu, pada zaman terkini, dengan perkembangan proses globalisasi dan Internet, ruang siber boleh menghasilkan bentuk-bentuk baru pengalaman pembandaran yang tidak memerlukan perubahan tempat tinggal tetapi memadai melunsur ruang siber bagi mengalami pembandaran. Kesemua ini menuntut ilmu geografi memeriksa migrasi dalaman dalam proses globalisasi dan migrasi dalaman dalam mobilitinya sendiri.

Kata kunci: migran desa bandar, pembandaran, ruang geografi, ruang sosial, ruang siber

ABSTRACT

Geographical enquiries into economic growth, social development and their impacts on society require perspectives relevant to local conditions to obtain a meaningful understanding of the observed phenomenon. This perspective is necessary given the broadening of the conception of space from geographic to include the social as well as cyber space. It is in this context of spatial change that rural-to-urban migration is reviewed. During the formative periods of urban development in Malaysia, urbanisation was under the ageis of British

colonialism. Rural to urban migration involving the Malays was small, with limited occupational opportunities opened to them, thus resulting in limited urban experience. The urban experience of rural migrants broadened somewhat after independence, more so after the implementation of the New Economic Policy, which has brought widespread and deep changes to the Malaysian society especially Malays. Rural migrants could participate in a wider range of jobs and also at different levels in the occupational hierarchy. In more recent times, with the development of globalisation and the Internet, cyber space may produce new forms of urban experiences through surfing such space, without necessarily necessitating spatial relocations. With these developments, it is necessary for geographical enquiries to examine internal migration in the context of the globalisation process and internal migration in its own embedded mobility.

Key words: rural-urban migrants, urbanisation, geographic space, social space, cyber space

PENGENALAN

Dalam tiga dekad terakhir abad kedua puluh, Malaysia mengalami proses pembangunan yang pesat dan mendalam, satu proses pembangunan yang belum pernah disaksikan oleh masyarakatnya sebelum ini. Pembangunan ini membawa suatu perubahan meluas bukan sahaja terhadap masyarakatnya tetapi juga terhadap persekitaran bio-fizikalnya. Ini bererti kepelbagaian perubahan dapat disaksikan berlaku dalam amalan bekerja, pekerjaan, cara ahli masyarakat menjalani kehidupan sehari-hari, pembentukan jaringan interaksi sesama ahli masyarakat yang boleh dengan mudah menjangkau sempadan negara-bangsa. Tidak kurang juga hebatnya perubahan yang dialami oleh komponen-komponen persekitaran biologi dan fizikalnya. Sistem atmosfera sering menerima gangguan dengan meningkatnya bahan pencemaran sehingga suhu meningkat menjadi lebih panas sehingga 1-2 darjah selsius, perubahan kepada aspek litosfera boleh meningkatkan kejadian bencana seperti tanah runtuh, manakala pembuangan sisa kilang ke dalam sumber sumber air dan sebagainya boleh menjelaskan bekalan air bersih.

Adalah nyata bahawa pelbagai jenis pembangunan dalam tempoh tersebut telah menukar isi permukaan landskap atau ruang geografi Malaysia. Malah daripada pelbagai kemajuan yang ditunjukkan, kemajuan dalam teknologi telah merubah dimensi ruang geografi dengan lebih mendalam sehingga muncul ruang baru dalam bentuk siber. Perubahan dimensi dan isi ruang geografi di Malaysia membuka wacana tentang asas disiplin geografi yang epistemologi, ontologi dan metodologinya berteraskan kepada aspek ruang iaitu ruang geografi. Konsep ruang geografi yang menjadi inti kepada pembentukan disiplin ilmu geografi

pada masa dahulu sudah menjadi kurang tepat untuk digunakan secara langsung bagi memahami pergolakan semasa masyarakat dalam ruang yang semakin dipengaruhi oleh ruang siber.

Artikel ini cuba meneliti arah perkembangan isi dan dimensi ruang geografi di Malaysia dan kesannya terhadap ilmu geografi. Perbincangannya mengambil contoh laluan pembandaran yang diambil oleh masyarakat desa Malaysia yang menuju ke arah menjadi warga bandar. Bahagian akhir artikel ini membahas tugasan geografi dalam dekad-dekad akan datang.

KOROGRAFI DALAM ASAKAN

Ahli geografi biasanya akan menyatakan bahawa ilmu geografi ialah suatu bidang pengajian yang sudah lama wujud dan menjadi sebahagian ilmu yang dipelajari sejak dahulu lagi walaupun ramai mengetahui bahawa sebagai satu satunya disiplin ilmu di peringkat universiti ia muncul dalam kurikulum universiti hanya beberapa abad kebelakangan ini. Sebelum itu, penceritaan tentang muka bumi yang dikaitkan langsung dan diterima sebagai geografi terdiri daripada laporan dan catatan perjalanan, penjelajahan dan tinjauan ke benua-benua yang belum diterokai. Dokumen tentang ‘tanjung dan teluk’ ini merupakan satu kaedah rakaman sehampir mungkin dengan realiti setempat. Laporan itu memuatkan sebanyak mungkin perincian landskap dan merangkumi segala unsur yang boleh diperhatikan di permukaan bumi, seperti tanah, litupan tumbuhan, sungai, keadaan cuaca harian dan iklim setempat, petempatan serta bilangan penduduk, kegiatan mereka hingga ke penghasilan serta jaringan pengangkutan dan sosial. Pengamal geografi akan meneliti apa sahaja yang kelihatan asalkan huraian itu merakamkan segala isi di bahagian permukaan bumi yang sedang diperhatikan. Daripada sudut sosiologi pengetahuan, penceritaan keseluruhan landskap sedemikian rupa mencerminkan keperluan sernasanya masyarakat dari manapun pemerhati itu muncul. Sudah semestinya huraian itu meluas dan mendalam kerana permukaan bumi di kawasan itu tidak menunjukkan ‘suatu titik permulaan dan kemungkinan berakhir’ (Wooldridge & East 1952), tetapi isi-isi di permukaan kawasan tadi tetap mengalami perubahan secara terus menerus. Ketika itu pengamal geografi menjadi pelapor yang sesetia mungkin tentang segala kejadian di permukaan bumi. Laporan itu ditanggap dapat memberikan satu cara yang boleh menunjukkan kelebihan dan kekuahan bidang ilmu ini. Kehampiran huraian itu dengan realiti yang dilihat dan ditanggapi menjadikan geografi berguna kepada pasaran ketika itu, terutamanya pasaran seperti negara penakluk di Barat kerana huraian itu merangkumi khazanah maklumat yang kaya bagi dimanfaatkan oleh negara berkenaan. Tetapi laporan berteraskan kawasan itu tidak membantu usaha memajukan bidang akademik geografi walaupun keunggulan amalan geografi jenis ini pernah dianggap sebagai teras pengajaran geografi (Hartshorne 1959). Apa pun bentuk penceritaan tentang permukaan bumi tadi konsep penyatuan

yang mencirikan kegeografiannya terletak kepada penggunaan ‘tempat’, ‘kawasan’, ‘negeri’, ‘negara’, ‘wilayah’, ‘benua’, dan ‘dunia’. Kesemua konsep ini melambangkan ‘ruang’ yang menjadi konsep dasar kepada disiplin geografi. Jika sejarah memperkatakan tentang tokoh dan peristiwa dalam masa, sosiologi membicarakan masyarakat, psikologi meneliti perkara dalam minda individu, maka geografi meneliti interaksi manusia dalam ruang.

Ringkasnya, ‘ruang’ geografi merangkumi liputan suatu kawasan yang mengandungi realiti biofizikal serta manusia dan kegiatannya serta artifik hasilan mereka. Ruang menjadi pentas pemerhatian segala kegiatan manusia serta tindakan terhadap unsur hidupan, tanah, air, udara, suhu dan lain-lain yang terangkum dalam ruang itu. Jika dihalusi, pemerhatian itu harus memberi perhatian juga terhadap hubungan-hubungan antara unsur-unsur fizikal tadi dan hubungan antara unsur fizikal dengan manusia.

GEOGRAFI SEBAGAI SAINS RUANG DAN PERSOALAN KERELEVANAN

Ketika geografi bergelut dengan penceritaan tentang landskap menurut kawasan (yang dinamakan juga geografi kawasan) memuncak, kemajuan bidang ilmu ini sebagai satu disiplin ilmu agak terhambat dan terkebelakang. Huraian panjang lebar terhadap realiti sesuatu kawasan membolehkan keunikan kawasan itu diterakan. Dalam usaha menyerlahkan keunikan kawasan itu, dimensi masa biasanya juga diambil perhatian kerana segala unsur yang terdapat di kawasan itu mempunyai sejarahnya. Unsur itu telah berkembang dalam masa. Keunikan sesuatu kawasan itu akan menyerlah sebagai satu kawasan yang berbeza dengan realiti kawasan lain. Pencapaian geografi menerusi kaedah ini bagaimanapun mengekang kemajuan bidang geografi sebagai satu bidang ilmu yang berteraskan rasionaliti sains yang membolehkan pengukuran saintifik dijalankan, hipotesis dikajiui, maklumat dikumpul berlandaskan teori sains dan hasilan penelitian boleh membangunkan generalisasi dan akhirnya teori. Kemajuan satu-satu bidang disiplin itu seharusnya mengemukakan teori yang boleh memandu pemahaman terhadap pola susunan fenomena di dalam ruang.

Bidang geografi kawasan ini tidak dapat bertahan kerana perubahan dalam pelbagai bidang sains sosial dan kemanusiaan telah memperkukuhkan kemajuan dalam pembinaan teori keseluruhan. Sekitar tahun 1960-an bidang geografi menghadapi cabaran perubahan, walaupun perubahan itu lebih tertumpu kepada pendekatan manakala asas kewujudannya masih unggul. Ketika revolusi kuantitatif memberi input cara sains dalam penelitian, dan cara sains ini memungkinkan pembinaan generalisasi dan akhirnya teori, bidang geografi melihat perkembangan ini sebagai satu peluang yang akan memberikan kekuatan baru dalam perkembangan bidang ilmu (NAS/NRC 1965). Asas ruang bidang ini juga mula dikonsepsikan dalam bentuk kuantitatif, dengan merujuk kepada titik lokasi, jaringan lokasi dalam satu sistem geometri dan interaksi antara titik lokasi tadi (Haggett 1965). Pengamalnya boleh sahaja meneliti taburan petempatan,

misalnya, menerusi taburan binomial atau cara statistik lain. Kelihatan ketika peralihan ini pengamal geografi dipaksa menelaah satu himpunan set konsep dan istilah baru berkaitan statistik. Korelasi, regresi, auto korelasi, analisis *markov chain* dan sebagainya telah menjadi teras perbincangan ketika itu. Karya David Harvey, *Explanation in Geography*, pada akhir 1960-an boleh digunakan sebagai simbol kekuatan pendekatan tersebut. Pendekatan sains ini boleh dengan bantuan komputer menganalisis pelbagai bentuk data bagi menguji hipotesis. Penelitian dikendalikan berterusan sehingga penemuan daripada ujian hipotesis dapat melengkapi binaan lapisan batu bata generalisasi dan akhirnya dapat diwujudkan teori mengenai sesuatu persoalan berkaitan dengan fenomena dalam ruang kuantitatif. Geografi dalam tradisi ini dikenali juga sebagai *logical positivist*. Ketajaman statistik menerusi penggunaan komputer memudahkan pengamal geografi kuantitatif menganalisis isu-isu yang merangkumi aliran komoditi, jaringan pengangkutan menerusi teori graf sehingga, jika mahu, perubahan kedudukan bola dalam 90 minit semasa dua pasukan bola sepak sedang bertanding. Setajam mana pun analisis itu, hasil penelitian yang dihasilkan dalam kebanyakan kajian kelihatan kurang bertenaga bagi memahami dan menyelesaikan masalah masyarakat. Daripada segi asas disiplin ilmu ini, konsep ruang geografi boleh menjadi nipis dan cair sehingga konsepsi ruang boleh wujud dalam bentuk pemikiran (refleksi) sahaja. Pengajian geografi sebagai satu sains ruang membayangkan citra kehebatan disiplin ini ketika itu. Pemujaan ruangan (*spatial fetishness*) menjadi teras segala rupa pemerhatian. Tetapi struktur ruang yang dapat diwujudkan terpisah pula daripada proses sosial yang terlibat dalam pengukiran struktur tersebut selain isu bahawa pembentukan menerusi paradigme ini menyempitkan ruang penelitian dalam geografi (Chisholm 1978).

Ada percubaan untuk memasukkan kemanusiaan ke dalam wacana ruang kuantitatif itu menerusi pendekatan humanisme dengan memberi perhitungan terhadap tanggapan dan peta minda orang perseorangan dan masyarakat (Yi-Fu Tuan 1976). Percubaan ini juga kurang berhasil disebabkan persoalan keadilan sosial tidak boleh diselesaikan sepenuhnya melalui model kuantitatif atau model perilaku individu atau komuniti. Justeru *Explanation in Geography* karya Harvey terpinggir akhirnya oleh *Social Justice in the City* (Harvey 1973) di kalangan mereka yang mahu mencari penyelesaian teori dan dasar tentang ketidaksetaraan kesan pembangunan, kemiskinan yang berterusan di kalangan masyarakat pinggiran walaupun mereka diberikan pelbagai bantuan oleh pemerintah, dan tentang kehancuran ekologi di kalangan masyarakat yang kurang prihatin tentang penjagaan kesihatan ekologi. Walaupun begitu, umumnya kaedah sains tersebut telah mengetengahkan struktur di dalam ruang. Kajian struktur ruang bukan sahaja mengukuhkan lagi bidang geografi tetapi membuka pelbagai kemungkinan bagi meluaskan ruang lingkup disiplin geografi.

Pada akhir abad ke-20 terdapat usaha tegas bagi menjadikan bidang geografi lebih relevan kepada masyarakat dengan meningkatkan keupayaan geografi dalam pembinaan teori geografi bagi menyelesaikan masalah masyarakat. Ruang

geografi kuantitatif yang *impersonal* kaku dengan grid geometrinya perlu di‘manusia’kan. Hal ini penting dilakukan kerana sekiranya takrif bidang geografi yang telah diterima pakai sebagai kajian permukaan bumi sebagai tempat tinggal manusia, mahu dimanfaatkan, maka asas kewujudannya, iaitu ruang geografi, harus dilihat daripada perspektif manusianya bagi memberi makna kepada ruang geografi itu. Perspektif ini boleh dijelaskan selanjutnya dengan mengimbau kembali bahawa manusia biasanya hidup dalam kumpulan sosial seperti ahli keluarga, komuniti dan masyarakat. Mereka membesar dalam persekitaran budaya yang dibentuk oleh norma, nilai, kepercayaan dan matlamat kehidupan yang diwarisi daripada generasi terdahulu dan akan menjadi asas perkembangan kumpulan itu seterusnya untuk generasi mendatang. Dengan ciri-ciri itu individu berinteraksi dengan ahli kumpulan-kumpulan lain dalam masyarakat dan menjalankan kegiatan ekonomi serta pertukaran hasil pengeluaran sesama mereka. Kesemua ini menggariskan dan membentuk ruang sosial masyarakat itu.

Ikatan manusia boleh terserah menerusi hubungan dalam keluarga, antara keluarga, dan antara kumpulan sosial; hubungan-hubungan sosial dan proses yang mengikatkan pertalian antara kumpulan-kumpulan sosial itu membentuk kelas-kelas sosial. Kesemua ini mempengaruhi pengkonsepsian ruang geografi. Oleh itu apabila diteliti kegiatan manusia yang berjaya membentuk struktur ruang dalam ruang geografi tadi, struktur ruang yang terbina itu sebenarnya adalah kesan daripada proses sosial yang berkaitan, misalnya, dengan pengeluaran, kepenggunaan dan pertukaran serta hubungan-hubungan sosial lain dalam ruang geografi. Pentakrifan ruang geografi daripada sudut proses serta hubungan-hubungan sosial ini mendapat olahan yang luas sejak dalam tahun 1970-an dan 1980an (Gregory & Urry 1985; Agnew & Duncan 1989; Gregory 1978). Ramai pengamal geografi merasakan semenjak proses sosial itu diambil kira serentak dengan struktur ruang geografi, maka kerelevanannya bidang geografi bagi menangani masalah masyarakat di permukaan bumi ini telah meningkat (Stoddart 1981). Negara membangun seperti Malaysia yang menghadapi pelbagai cabaran dalam pembangunannya mungkin mendapati geografi yang dilihat daripada sudut ini akan memberikan ketajaman analisis dalam usahanya mencari penyelesaian kepada masalah ketidakseimbangan pembangunan sosioekonomi dalam masyarakatnya yang berbilang kaum. Bidang geografi telah dapat membina teori berteraskan struktur ruang geografi yang lebih menepati keperluan bagi menangani isu-isu runcing masyarakat bekas tanah jajahan.

Pendekatan teori yang lebih ‘radikal’ telah muncul dalam geografi. Satu-satunya asas teori yang berteraskan kepada kedinamisan masyarakat dalam geografi ialah penggunaan teori masyarakat Marx. Teori masyarakat itu diungkapkan bagi geografi dengan memberikan perhatian kepada proses ekonomi pengeluaran dalam konteks konfigurasi ruang geografi sebagaimana yang dibentuk oleh proses sosial dan hubungan-hubungan sosial di permukaan sesuatu kawasan. Sumbangan David Harvey memang meluas dalam perkembangan geografi berbentuk ini yang seterusnya dikembangkan oleh

beberapa penulis geografi lain seperti Manuel Castells (1975), Doreen Massey (1985), Edward Soja (1989) dan Neil Smith (1990). Olahan dalam perspektif geografi berteraskan teori sejarah dan analisis masyarakat mengaitkan secara langsung ‘bentuk’ di dalam ruang dengan proses sosial. Ini bermakna bentuk-bentuk yang kelihatan di permukaan bumi terhasil daripada tindakan masyarakat. Apakah corak masyarakat itu? Masyarakat yang berstratifikasi dan terbahagi menurut kelas-kelas sosioekonomi. Tersurat dalam struktur sosial itu ialah ketakseimbangan sosioekonomi di kalangan ahli masyarakat. Masyarakat sedemikian bergelut dengan pengumpulan modal, konflik sosial dan pertembungan kelas sosial. Kesemua ini menentukan bentuk hubungan sosial yang seterusnya melorekkan bentuk struktur ruang pengeluaran. Umumnya, ini bererti segala pola kegiatan manusia di permukaan bumi tadi boleh diikatkan langsung dengan struktur masyarakat. Daripada konteks ini inti kepada analisis geografi itu bersesuaian dengan pandangan bidang sains sosial lain seperti sosiologi dan antropologi. Malahan pencarian penjelasan tentang sebahagian aspek geografi fizikal terutamanya tentang persoalan kesan proses perubahan bentuk muka bumi di dalam ruang geografi tidak dapat diselesaikan sepenuhnya tanpa merujuk juga kepada proses sosial yang mendalangi perubahan itu. Perspektif ini dikenali juga sebagai perspektif radikal dalam wacana geografi.

Sebagaimana yang dialami oleh bidang ilmu lain dalam sain sosial dan kemanusiaan pada dekad 1980-an dan seterusnya, bidang geografi tidak juga dapat menghindarkan diri daripada mengalami perubahan. Apabila Tembok Berlin sebagai simbol terakhir Perang Dingin diruntuhkan, perspektif radikal dalam bidang geografi mulai luntur lantaran daripada perubahan seterusnya yang dialami oleh masyarakat dunia. Ketepatan perspektif yang melihat ruang geografi daripada pengeluaran ruang sebagai yang dimulakan oleh Henry Lefebvre (1991) dan kemudian diperluaskan oleh David Harvey (1985, 1989, 1990) dan beberapa sarjana lain (lihat Derek Gregory 1994) mula diragui kerelevannya bagi memahami perubahan dunia dalam perkembangan teknologi dan maklumat dalam tiga dekad terakhir abad ke-20.

KEMUNCULAN RUANG SIBER DAN BERAKHIRNYA GEOGRAFI?

Sebagaimana dinyatakan di bahagian awal artikel ini, kewujudan geografi terletak pada andaian bahawa bidang ini bertolak daripada konsep ruang. Berpandukan kepada konsep inilah bidang geografi itu dapat dibezakan daripada bidang sosiologi, antropologi, psikologi dan sejarah, misalnya. Sejak Perang Dunia Kedua, teknologi berkembang menjadi lebih canggih dan meluas. Kemajuan telekomunikasi membolehkan masyarakat di sesebuah negara berhubung dengan masyarakat lain di merata dunia dengan pantas sehingga tiada satu masyarakat pun boleh tinggal bersendirian. Revolusi komunikasi ini membuka pelbagai kemungkinan dalam pengglobalan pengeluaran barang, pemasaran, pelaburan, pendidikan dan pembangunan. Ini dimudahkan lagi oleh perubahan sikap

kebanyakan pemerintah yang mula membuka sempadan negara mereka untuk menerima aliran pelaburan dan penempatan semula industri pembuatan dari negara-negara industri ke negara membangun. Kesemua perubahan ini menuntut satu penelitian semula asas geografi yang sedia ada, iaitu tentang keutuhan konsep ruang geografi itu sendiri. Kemajuan teknologi komunikasi telah menyerlahkan ruang siber, satu ruang yang lahir dalam pemikiran hasil perkembangan teknologi elektronik.

Kaitan antara elektronik dan digital mampu membina satu jaringan antara tempat, kawasan dan wilayah di dunia ke dalam satu pentas dunia yang seolah-olahnya sudah mampat sebagai satu ‘kampung kecil’. Apa tidaknya, berhubungan melalui e-mail memerlukan beberapa saat sahaja bagi merentasi ruang siber walaupun ruang geografi sebenar memisahkan antara tempat dengan tempat dengan begitu jauh sekali di permukaan bumi. E-mail boleh juga mengatasi geseran jarak dengan pantas jika dibandingkan dengan perjalanan dengan kereta atau kapal terbang.

Daripada huraiān di atas boleh dibuat kaitan antara ruang geografi dengan ruang siber. Dalam ruang geografi, jarak pemisah antara satu tempat dengan tempat lain perlu diatasi bagi merealisasikan sesuatu kegiatan. Bagi mengatasi jarak dan geseran jarak antara satu tempat dengan tempat lain, ia memerlukan masa dan bayaran kos tertentu. Struktur ruang yang muncul sebahagiannya terpaksa mengambil kira kos interaksi ini. Keadaan ini akan berubah secara mendadak jika kita berinteraksi dalam ruang siber. Tempat di dalam ruang geografi dapat dikaitkan di dalam ruang siber dengan pantas dan dengan kos yang rendah. Dalam konteks ini masa perjalanan bagi mengatasi jarak antara tempat dan ruang pemisah antara tempat boleh dimampatkan. Proses kemampatan masa-ruang di dalam ruang siber bagi mewakili ruang-masa dalam geografi memanggil pengamal geografi untuk memikirkan arah tujuan bidang ilmunya dalam tuntutan asas disiplinnya yang sudah banyak berubah. Semakin ramai ahli masyarakat akan menggunakan prasarana semasa menjalankan kehidupan harian dalam dunia yang berteknologi canggih disebabkan berinteraksi dalam ruang siber akan dapat membina pelbagai bentuk hubungan sosial. Tetapi kepelbagaiannya hubungan sosial itu tadi menghasilkan dampak dalam ruang sebenar geografi serta boleh melibatkan ahli masyarakat di pelbagai aras hubungan dan tujuan (Graham 1998).

Satu aspek lagi yang harus dibicarakan mengenai perubahan penekanan terhadap konsep ruang dalam geografi ialah kaitan antara ruang geografi, ruang sosial dan ruang siber. Ruang geografi menekankan liputan sesuatu tempat atau kawasan, mempunyai dimensi panjang dan lebar serta diliputi pelbagai isi sama ada yang bercirikan fizikal maupun manusia. Di permukaan yang sama sekiranya ruang itu dikonsepsikan menurut kos ekonomi, maka ruang geografi itu berubah menjadi ruang yang dipengaruhi oleh kegiatan ekonomi manusia. Ruang siber pula menyentuh ruang dalam pemikiran yang dibentuk oleh teknologi rekaan manusia. Sebagai contoh, pemikiran manusia telah digembung bersama modal

ketika membina teknologi canggih untuk membentuk ruang siber. Setelah teknologi itu dimanfaatkan, masyarakat mahu melayari ruang itu dengan mudah dan murah. Pembekal akan cuba mencari peluang perniagaan dengan menjual peralatan sementara pelabur pula berusaha memaksimumkan keuntungan dengan mewujudkan pelbagai bentuk kawalan bagi menjaga keutuhan perniagaan dan pulangan kepadaanya. Keadaan ini akan membentuk struktur tertentu dalam ruang siber yang daripada teknologinya kelihatan homogen dan berkecuali. Ketakrataan kesampaian pemilikan teknologi canggih ini akan mempengaruhi ruang geografi di ruang sosial. Perubahan sosial akan merubah ruang sosial yang sebaliknya akan menentukan arah perkembangan ruang geografi (Subbiah 1999) Malaysia dalam dekad-dekad mendatang.

Umumnya, di Malaysia, makna ruang geografi sebagai pentas ‘lakonan’ hidup manusia menjadi semakin ditentukan oleh proses sosial masyarakat sejak penjajahan Inggeris lagi. Dalam konteks inilah proses migrasi dari desa ke bandar di Malaysia yang berlaku semasa proses pembandaran harus dilihat. Ruang geografi bandar di Malaysia telah menjalani perubahan yang pelbagai juga sejak penubuhan bandar-bandar moden di negara ini.

KEBUN, DAPUR DAN PEMBANDARAN AWAL

Sungguhpun pembandaran primer di rantau Alam Melayu telah berlaku sejak abad lebih awal sebelum munculnya Melaka pada abad ke-15, pengalaman pembandaran dalam artikata pengalaman tinggal di bandar dalam konteks bandar moden pelbagai kaum seperti struktur bandar pada hari ini hanya bermula di Malaysia setelah Inggeris menakluki negeri-negeri Melayu termasuk Sabah dan Sarawak. Pentadbiran kolonial Inggeris membina satu hirarki petempatan bandar sebagai pusat pentadbiran dan keamanan bagi mengawasi penduduk jajahannya dan menjaga pelaburan dan segala kepentingannya. Penyerahan kuasa pemerintah Inggeris amat nyata dalam struktur bandar. Pentadbiran Inggeris membina satu set ruang kolonial, lengkap dengan kawasan membeli belah, kawasan pentadbiran dan pejabat, kawasan komersil dengan bank, tempat berehat dengan padang kriket dan pelbagai guna rekreasi, kawasan mahkamah dan gereja. Sementara di sebelah belakang kawasan itu, selalunya kawasan tanah tinggi beralun menjadi kawasan kediaman pegawai Inggeris (MacGee 1971). Kawasan kolonial ini mempamerkan keagungan kuasa kolonial dengan menunjukkan lambang-lambang tertentu seperti bentuk binaan yang besar, jalan berturap rapi dan kawasan perumahan pula mempunyai pekarangan yang besar dengan pokok-pokok rendang (King 1976, Scargill 1979). Bersebelahan dengan kawasan Inggeris ini berlonggok pula kawasan migran Cina dan India dengan citra tempat asal mereka di negara China dan India. Orang Cina berniaga runcit dan melombong bijih sementara kebanyakan orang India bekerja di Jabatan Kerja Raya dan pengangkutan. Masyarakat Bumiputera dalam bandar itu masih

dikekalkan dalam ‘kawasan kampung’. Kampung Baru di Kuala Lumpur boleh diambil sebagai satu simbol penerusan masyarakat Bumiputra dalam suatu struktur ruang yang dipecah-pecah dalam pentadbiran kolonial. Struktur ruang sosial ini juga kedapatan di bandar-bandar lain dalam hierarki bandar-bandar di Malaysia. Dalam konteks di atas laluan pembandaran migran dari desa tidak mencukupi jika mahu diteliti dalam perspektif penceritaan dalam amalan geografi kawasan kerana huraihan kita boleh terbatas kepada apa yang kelihatan sahaja termasuk bentuk litar pergerakan migran seperti aliran berbentuk bertangga dari kampung ke pekan kecil, dari pekan kecil ke bandar kecil, dan dari bandar kecil ke bandar utama; ataupun sebilangan besar migran bergerak dalam jarak dekat manakala sejumlah lebih kecil lagi bilangan migran bergerak dalam jarak jauh. Realiti pergerakan migran dalam ruang geografi mengesahkan kebenaran empiri itu. Generalisasi tentang bentuk pergerakan itu boleh dibuat. Cuma analisis yang sedemikian dapat menggarap bentuk empiri yang jelas kelihatan sahaja. Kemelut pembandaran migran dari desa itu kurang dapat dijelaskan. Ruang geografi Malaysia serta bandar-bandarnya sudah berubah menjadi lebih kompleks, dibentuk oleh proses sosial janaan penjajah Inggeris. Jadi migrasi penduduk dari desa ke bandar binaan penjajah berlaku dalam satu ruang sosial yang terjelma dalam ruang geografi yang ada. Penjajah Inggeris jugalah memulakan pembentukan dua ruang geografi yang berasingan terdiri daripada ruang bandar dan ruang luar bandar pada aras ruang sosial Malaysia (dahulunya Malaya).

Dalam struktur ruang tersebut kuasa dominan kolonial dapat membina satu susunan fungsi bandar dalam mana sesuatu kumpulan etnik menghuni kawasan tertentu, bersebelahan etnik lain. Mereka berinteraksi cuma pada peringkat berfungsi sahaja seperti orang bumiputra membeli barang keperluan di kedai runcit orang China dan menaiki kereta api Tanah Melayu yang dikendalikan oleh pekerja etnik India. Dalam senario ini ruang bandar itu menjadi terlalu asing kepada penduduk bumiputra di kampung-kampung di kawasan desa yang rata-rata amat luas ketika itu. Ruang geografi di luar bandar tadi masih menyerlahkan sebahagian besar sebagai ruang geografi dan selainnya menjadi ruang sosial tradisional dengan bentuk yang ditanggap daripada kaca mata gaya hidup tradisional masyarakat desa. Walaupun daripada persepsi kaum bumiputra ini kawasan bandar tetap menjadi suatu kawasan bandar dalam negara Melayu, kawasan bandar yang dibina dalam minda mereka adalah asing daripada pengalaman biasanya sebagai penduduk desa tetapi juga asing daripada kehidupan komuniti di kalangan penduduk migran Cina dan India yang telah membangunkan tempat-tempat tertentu dalam bandar itu. Ruang legar pegawai pemerintah kolonial menjadi lebih asing lagi kepada orang Bumiputra desa kerana cara hidup pegawai amat berbeza. Sementelah pula hubungan kuasa antara pegawai Inggeris dengan migran menjauhkan pegawai ini daripada ruang legar Bumiputra tadi. Dalam konteks kepecahan ruang bandar itulah proses pembandaran orang Melayu kampung harus dilihat dan difahami.

Tidak banyak maklumat di peringkat mikro yang boleh digemblengkan bagi menyelami pengalaman orang biasa kampung menjalani proses pembandaran. Penelitian T.G. McGee tentang migran Melayu di Kuala Lumpur dalam tahun-tahun awal 1960-an boleh memberi gambaran tentang proses tersebut. Sebilangan besar migran Melayu dari desa memasuki Kuala Lumpur, satu-satunya bandar tumpuan migran desa ketika itu berkumpul sebagai pekerja berjawatan rendah. Migran wanita bekerja sebagai pembantu rumah dan migran lelaki menjadi tukang kebun dan sebilangan kecil yang mempunyai kemahiran memandu menjadi pemandu kepada pegawai Inggeris. Migran ini telah memasuki Kuala Lumpur dengan menggunakan Kampung Baru sebagai ‘pelabuhan kemasukan’ (port of entry) ke bandar modern ini. Pelabuhan kemasukan ke bandar ini sebetulnya adalah satu kawasan sebangsa, seagama, sebudaya dan orang Melayu dan justeru boleh menampung migran dari pelbagai daerah di Malaysia. Keadaan itu boleh memberi ketegangan serta jaminan keselamatan diri, keluarga dan kemudahtercaman.

Dalam hubungan kuasa ketika itu boleh kita membina kembali pengalaman pembandaran diri dari kalangan migran dari desa di Malaysia pada awal pembandaran di Malaysia. Migran dari desa ini ketika itu adalah pinggir sekali kedudukan sosio-ekonominya dalam masyarakat bandar. Walaupun mereka telah menjadi sebahagian warga bandar pengalaman mereka bertumpu kepada sebahagian sahaja realiti kehidupan bandar. Bagi pembantu rumah misalnya, kehidupan baru sebagai seorang pekerja dalam bandar sungguh pun dengan waktu bekerja yang tidak menentu tetapi mendapat bayaran tetap bulanan bagi perkhidmatannya. Biasanya pembantu rumah ini diberikan tempat tinggal bersama dengan majikan, dan makanan. Tetapi dunia bandarnya berkisar di dalam rumah majikan dan sebahagian besar waktu dihabiskan dalam ruang dapur. Berbeza daripada pengalaman pembantu rumah tadi, tukang kebun dan pemandu mempunyai ruang legar yang lebih luas daripada ceruk dapur tetapi pengalaman mereka mendekati kehidupan bandar masih sempit dan terhad kepada kawasan-kawasan tertentu seperti yang tertera dalam jadual kerja harian. Bagi tukang kebun, edaran kegiatannya terbatas dari satu kawasan kebun ke satu kawasan kebun lain sementara pemandu mungkin berlegar dari rumah ke pejabat dan sesekali ke tempat-tempat lain. Pengalaman kerja mereka tetap terhad bagi menyelami kehidupan bandar.

Jelas bahawa pengalaman menjadi warga bandar migran ketika itu terjurus dalam bentuk dan struktur ruang yang terbina dari pemilikan kuasa pentadbiran kolonial Inggeris. Pemerintah kolonial telah memecah-mecahkan landskap bandar mengikut fungsi tertentu dan dikendalikan oleh etnik-etnik tertentu. Ruang bandar kolonial hanya dapat dimasuki atas keperluan tertentu. Dan keperluan itu biasanya pinggiran juga yang tidak membolehkan orang-orang biasa Asia tadi meneroka alam lingkungan pentadbiran kolonial. Dalam keadaan itu migran dari desa daripada kalangan yang dominan bilangannya iaitu migran daripada golongan orang biasa tadi berlegar dalam suatu kawasan bandar yang juga

pinggiran sifatnya berbanding dengan keseluruhan ruang legar etnik lain dan orang Inggeris yang juga migran antarabangsa. Jadi, apa yang boleh dimanfaatkan dalam kehidupan bandar oleh migran tadi cuma ciri pinggiran cara hidup di bandar kolonial manakala makna penuh kehidupan bandar tidak mungkin dapat diselami mereka. Tambahan pula corak kehidupan bandar yang sebenar mungkin tidak dapat ditanggapi kerana realiti kehidupan bandar terpecah-pecah (*fragmented*) disebabkan bandar itu sendiri hanya satu pengkelompokan migran. Keadaan itu menjadikan bandar lebih terasing daripada pengalaman migran dari desa tadi.

Migran dari desa dalam keadaan ruang terpecah-pecah itu terpaksa menggunakan pelabuhan kemasukan yang jitu kepada mereka. Kampung Baru di Kuala Lumpur memberikan rasa ketenangan dan keyakinan diri kerana Kampung itu boleh mewakili bukan sahaja suasana kampung orang setempat berikutan dengan ciri komuniti di situ yang terdiri daripada orang Melayu yang sebahagian besar juga terdiri daripada orang migran lebih awal dari desa. Lagi pun kajian-kajian tentang migrasi desa-bandar di negara membangun terutamanya telah memberi keyakinan kepada kita bahawa migran biasanya lebih suka berada bersama ahli suku bangsa atau migran sebangsa kerana pelbagai keuntungan diri dan ketenangan jiwa (Hugo 1978). Tanpa pendidikan atau dengan taraf pendidikan di kalangan masyarakat Melayu, mereka terpinggir terus dalam kegiatan utama di bandar ketika itu kerana masyarakat bandar berurusan rasmi dalam bahasa pengantar Inggeris. Sementara urusan di sektor perniagaan adalah berbahasa dialek Cina dan bahasa pasar Melayu. Tambahan pula migran Bumiputera dari kampung ini terlalu daif ekonomi modennya untuk manandinggi atau menyaangi etnik lain walaupun mereka juga migran. Keadaan itu memaksa mereka mencari laluan termampu dengan ‘merundingi’ (*negotiate*) keadaan untuk memasuki dan menjalani kehidupan bandar. Maka dari awal hingga akhir kehidupan di bandar (selepas itu balik semula menetap di desa) migran Bumiputera tersebut hanya mampu mencari laluan terbaik untuk mereka dalam kawasan sebangsa. Kerana kepinggiran kedudukan dalam arus kehidupan bandar, ramai di antara mereka menghidupkan secara terus menerus ikatan dengan sanak saudara di kampung. Akhirnya mereka juga balik menetap di kampung selepas bersara. Mereka tidak dapat menandingi kuasa kolonial atau menyaangi kekuatan ekonomi moden etnik migran luar negara dalam bandar atau menandingi keutuhan pekerja profesional keturunan India untuk mendapatkan suatu kedudukan yang lebih berkesan dalam bandar selain bersaing dalam kegiatan pinggiran.

Kedudukan migran dari desa sedemikian dalam bandar sudah tentu dapat membawa perubahan yang lebih bercorak sektoral dan setempat sifatnya, menimba pengalaman di bahagian pinggiran kehidupan bandar ketika itu dan bukan memperolehi suatu pengalaman pembandaran sepenuhnya. Sekiranya migran dari desa mempunyai pelbagai kekuatan ekonomi dan boleh menandingi kuasa pentadbiran kolonial, apa yang boleh mereka garap tentang pengalaman menjalani perubahan hidup dari desa ke bandar kolonial itu tidak akan menyeluruh kerana

bandar moden dalam pengalaman masyarakat Malaysia ketika itu masih baru. Tambahan pula bandar dan pembandaran ketika itu masih terbentuk dalam keadaan kebergantungan dan berbeza dengan bandar dan pembandaran di negara Inggeris. Pendek kata bandar kolonial bukan sahaja belum sempat berkembang mantap sebagai satu bandar moden tetapi belum pun mempunyai citra khusus bandar Malaysia. Ia bukanlah juga diasaskan sebagai satu bandar moden seperti yang terdapat di negara Inggeris.

LALUAN MELALUI R BEREK, KEM DAN ASRAMA

Penjajah Inggeris membawa perubahan yang lebih luas dan mendalam kepada struktur ruang bandar dan alur bagi aliran migrasi desa ke bandar setelah pemerintahannya bertapak lebih lama. Sejak 1930-an, pemerintah kolonial telah membuka suatu peluang pekerjaan baru kepada orang Melayu, iaitu pasukan bersenjata yang membawa suatu laluan dan kesan baru dari segi pembandaran orang Melayu. Dengan tertubuhnya pasukan Askar Melayu, suatu lorong baru untuk anak Melayu di kampung-kampung mendapatkan pekerjaan bercorak ‘bandar’ telah terbuka walaupun di peringkat awal itu peluang pekerjaan dalam tentera masih terhad. Perlu dinyatakan sebelum itu, segelintir anak desa turut berkecimpung dalam pasukan polis sebagai ‘mata-mata’ pemerintah bagi menjaga keamanan setempat tetapi kesannya masih amat kecil kepada masyarakat Melayu.

Selepas Perang Dunia Kedua, semasa nasionalis Melayu menentang Inggeris bagi mendapatkan kemerdekaan, penjajah telah menujuhkan pelbagai bentuk pasukan keselamatan bagi menghadapi kumpulan pejuang nasionalis itu dan juga Parti Komunis Malaya. Anak-anak muda dari desa di seluruh negara telah tampil untuk mendapatkan pekerjaan. Ini telah memulakan pengaliran keluar anak-anak muda di desa secara besar-besaran menuju ke sektor pekerjaan bandar. Keadaan masa itu dapat digambarkan daripada petikan sebuah laporan tahunan di peringkat negeri yang menyatakan, “enquiries have been made and received concerning the availability of Malay labour locally for estates. The recruitment of Malays into the special constabulary appears to have absorbed most of the potential supply” (Negeri Sembilan State 1950: 70).

Lebih menarik tentang laluan arah pembandaran di peringkat ini adalah migran dan pengalaman pembandaran ini melibatkan suatu pergerakan sektoral dalam keseluruhan ruang ekonomi Malaya ketika itu. Seorang askar mengalami perpindahan tempat kerja dari satu kem askar ke satu kem askar yang lain. Sementara mereka dalam perkhidmatan polis pula akan bergerak melalui alur yang telah disediakan, dari satu balai ke satu balai polis lain dalam keseluruhan jangka masa kerjaya mereka. Pengalaman pembandaran mereka terikat kepada pandangan dunia askar atau polis walaupun mereka berinteraksi dengan masyarakat luas di bandar apabila perlu. Oleh kerana bentuk tugas khusus mereka, seorang askar dan polis bergaul dengan lebih bermakna di kalangan

kumpulan mereka, dan cuma berinteraksi dengan masyarakat luar bandar untuk sesuatu fungsi khusus sahaja. Ini bermakna mereka bergerak dalam ruang sektoral budaya polis dan askar, menebalkan budaya itu dan seterusnya mengembangkan budaya itu dengan simbol serta dokongan artifak tersendiri bagi kumpulan itu. Dalam ruang bandar keseluruhan ruang budaya polis dan askar itu adalah sebahagian kecil daripada matriks ruang sosial bandar.

Berlainan sedikit tetapi masih lagi berada dalam jalur pembandaran yang sektoral sifatnya, segelintir murid sekolah desa telah melanjutkan pelajaran di tingkatan lebih tinggi atau memperoleh pengalaman bersekolah Inggeris di bandar dan menetap di sana semasa persekolahan. Sekolah berasrama belum berkembang semasa penjajahan Inggeris tetapi Kolej Melayu Kuala Kangsar, walaupun terbuka kepada anak bangsawan Melayu, telah memberi laluan juga kepada sebilangan kecil anak desa lain. Hal ini boleh memberi contoh tentang laluan arah pembandaran sekumpulan anak desa di ‘bandar’. Beberapa sekolah harian yang utama dan besar di bandar memberikan tempat tinggal asrama yang kecil bilangannya bagi murid-murid yang tinggal berjauhan. (Selain itu semasa pemerintahan Inggeris itu ramai pemuda menjelajah perkampungan terutama di Kelantan, Kedah dan beberapa tempat lain bagi mendapatkan pendidikan agama di pondok-pondok pengajian. Ini memberikan suatu pengalaman khusus kepada pelajar-pelajar itu, tetapi pengalaman ini berbeza daripada mereka di sekolah berasrama). Ruang pembandaran yang diukir oleh sekolah berasrama penuh dan sekolah-sekolah harian yang mempunyai asrama, serta pondok memberikan suatu pengalaman kehidupan bercorak bandar berteraskan pendidikan. Cara hidup di asrama menyediakan kaedah untuk pelajar dari desa ini belajar menyesuaikan diri dengan keadaan yang terjurus dalam penggunaan masa seperti mengatur masa belajar, belajar berinteraksi dalam kumpulan sebaya dan berwacana tentang pelbagai aspek pelajaran secara tersusun.

Mereka juga terdedah kepada cara hidup di bandar-bandar lain termasuk kehidupan di bandar di luar negara menerusi pembacaan, interaksi menerusi jaringan antara sekolah dan lebih-lebih lagi menerusi wibawa dan pendedahan para gurunya. Di Kolej Melayu Kuala Kangsar sebagai contoh, beberapa orang gurunya ketika itu terdiri daripada guru berbangsa Inggeris. Mereka yang pergi mengaji di pondok sudah pasti terdedah kepada pengalaman para ustaz yang telah mendapat pendidikan agama di pusat pengajian tinggi seperti di Mesir dan Arab Saudi.

Pengalaman pelajar ini tinggal dalam bilik asrama telah dapat membuka minda dan pandangan dunia mereka. Selain mereka terpaksa bercampur gaul dengan rakan sebaya dari pelbagai tempat kelahiran dan membina maklumat serta pengalaman tersendiri, berinteraksi dengan guru berasal dari bandar dengan asas pendidikan juga di bandar mempercepatkan perubahan pengalaman. Dalam waktu yang singkat akan terbina suatu *esprit de corp* di kalangan rakan sebaya dari pelbagai tempat asal tadi. Hubungan antara pelajar ini semasa menghuni bilik-bilik asrama tidak semestinya terus menerus tidak bermasalah tetapi secara

umumnya mereka akan mengekalkan ikatan persahabatan itu sehingga selepas mereka meninggalkan sekolah untuk memulakan penerokaan dunia sebenar. Ini ternyata daripada penubuhan persatuan-persatuan berasaskan sekolah yang berpusat di bandar untuk merapatkan semula rakan-rakan dari sekolah yang sama atau yang sama kohort dan yang kini sudah menjadi warga bandar lebih besar.

PERINDUSTRIAN DAN LALUAN PENYERTAAN DALAM KEGIATAN BARU DI BANDAR

Perkembangan perindustrian membuka laluan baru ke arah pembandaran khususnya bagi masyarakat Melayu. Pada awal 1950-an pembangunan industri pembuatan ringan di Kuala Lumpur telah menyaksikan pembangunan Petaling Jaya sebagai satu bandar baru. Konsep bandar baru ini masih di asaskan kepada pengalaman pembangunan bandar baru di England. Walaupun pada permulaannya Petaling Jaya dibangunkan untuk menyelesaikan masaalah setinggan dan kawasan sesak penduduk di Kuala Lumpur pembangunan kawasan perumahan moden telah diiringi dengan perkembangan kawasan perindustrian pembuatan ringan sebagai gantian import terhadap barang keperluan penduduk. Kemasukan pelaburan luar bagi perindustrian ini telah memulakan perombakan terhadap struktur ruang berasaskan amalan ekonomi dan kesannya terhadap kegiatan sosial bandar yang lepas.

Serentak dengan insentif bagi menggalakan pelaburan asing, kerajaan ketika itu cuba memulih dan meningkatkan keupayaan pengeluaran getah dengan menyediakan bantuan kepada pekebun kecil bagi menanam semula pokok pokok getah tua. Usaha ini mula memberikan tambahan pendapatan kepada pekebun-pekebun kecil dan dalam masa yang sama pekebun-pekebun ini menjadi lebih terikat kepada perubahan pasaran getah antarabangsa untuk kekal sejahtera. Bagaimana pun rancangan tanaman semula getah dan pembangunan tanah pinggir di bawah kendalian agensi kerajaan, FELCRA, dan pembangunan industri di kalangan pekebun-pekebun kecil getah di bawah kendalian satu lagi agensi kerajaan (RISDA) telah memungkinkan kemajuan di kalangan pekebun kecil. Bantuan subsidi kepada petani padi pula selanjutnya bukan sahaja dapat meneruskan pengeluaran padi sebagai hasil makanan negara tetapi telah dapat memajukan petani. Kemajuan menerusi pemodenan pertanian di kalangan petani kecil ini telah memungkinkan sebahagian bilangan anak-anak muda keluar mendapatkan pekerjaan bandar. Selain polis, pasukan keselamatan dan pasukan berpakaian seragam, anak-anak muda ini menuju ke kawasan perindustrian gantian import. Sebagai pekerja peringkat bawahan dan tanpa perumahan pekerja kilang ini mendirikan tempat tinggal di kawasan lapang tanpa kebenaran pihak berkuasa bandar sebagai penghuni kawasan setinggan. Oleh kerana kawasan industri pembuatan gantian import ini berjauhan dari kawasan ‘pelabuhan kemasukan’

ke bandar sasaran dahulu, maka alur kemasukan pekerja ini berubah dari kawasan seperti Kampung Baru di Kuala Lumpur ke kawasan setinggan di pinggir kawasan perumahan kelas menengah di Petaling Jaya atau kampung berhampiran di bandar Georgetown. Kawasan setinggan yang semakin membesar ketika itu menambah bilangan serta jumlah penduduk setinggan sedia ada dari kalangan migran antarabangsa dahulu.

Pengalaman pembandaran pekerja kilang ini walaupun masih sektorial dan pinggiran mereka mempunyai keistimewaan berbanding dengan migran dalam dekad-dekad lebih awal di bandar besar kerana mereka bekerja dalam syarikat pembuatan antarabangsa. Berlainan dengan pendedahan kepada pengalaman bekerja di kalangan migran pada masa dahulu pekerja kilang ini terbuka kepada budaya kerja baru; ciri kerja bersifat antarabangsa dan mengendalikan kerja-kerja yang belum pernah ditemui sehingga kini walaupun kerja-kerja yang dikendalikan adalah peringkat bawahan tetapi unggul kerana keluaran pekerja inilah yang melestarikan kilang itu. Oleh kerana jumlah pekerja yang boleh diserap oleh kilang-kilang ini ketika itu masih terhad maka migran ini terpaksa bersaing dengan pencari kerja daripada kalangan kumpulan etnik lain bagi mendapatkan tempat. Seperti keadaan ketika migran dari desa memasuki bandar beberapa dekad terdahulu mereka bagaimana pun harus mencari tempat kediaman melalui alur yang paling mudah bersesuaian dengan kemampuan mereka. Sekali lagi mereka terpaksa ‘merundingi’ keadaan antara ruang-ruang yang kompleks dalam bandar untuk mendapat tempat yang paling mudah dilalui.

Bermula dari tahun 1970 pengalaman pembandaran migran dari kampung berubah secara meluas sejajar dengan perubahan menyeluruh isi dan struktur ruang negara Malaysia. Kesan pergantian industri pembuatan di seluruh dunia mula dirasai di Malaysia sekitar tahun-tahun 1970-an apabila negara dengan bersungguh memposisikan masyarakatnya bagi menukar haluan kegiatan daripada pengeluaran pertanian industri untuk eksport kepada pengeluaran barang pembuatan untuk eksport. Kesungguhan negara membawa masuk industri pembuatan ini menepati keperluan negara untuk mengumpul kekayaan bagi diagihkan di kalangan masyarakat supaya belengu kemiskinan di kalangan rakyat dapat dihapuskan dengan cepat seiring dengan hasrat untuk merubah struktur masyarakat negara daripada susunan menurut etnik kepada susunlapis sosio-ekonomi walaupun daripada amalan politiknya negara masih terikat kepada politik etnik memperjuangkan kepentingan etnik yang telah berkembang subur semasa 12 tahun lebih di bawah sistem liberal kerajaan merdeka. Negara telah menyediakan pelbagai tarikan kepada pelabur luar negara dan secara terbuka pula menitikberatkan ekuiti pemilikan syarikat itu. Industri pembuatan mengembang bukan sahaja daripada sudut kawasan tetapi juga daripada segi pendapatan. Dengan pengumpulan kekayaan itu pemerintah dapat melaksanakan campur tangan dalam pembangunan negara dan melakukan langkah afirmatif untuk membangun masyarakat Bumiputera yang tertinggal dalam arus pembangunan. Tindakan afirmatif ini terpaksa dilihat juga daripada segi kawasan.

Pengstrukturkan masyarakat menurut etnik memerlukan pengstrukturkan kawasan kerana semasa pentadbiran penjajah dahulu taburan etnik terikat kepada taburan kawasan, kegiatan ekonomi dan amalan budaya tersendiri mereka. Anjakan lokasi industri pembuatan di merata dunia ini telah membawa kesan kepada struktur ruang geografi lagi. Proses sosial dan hubungan sosial yang terbentuk memulakan pembangunan unsur-unsur baru dalam struktur ruang geografi bandar dan negara.

Di Malaysia ‘pembandaran’ modal seperti dibicarakan Harvey (1985) mungkin belum sampai ke tahap kematangan tersebut tetapi perubahan terhadap lokasi kegiatan ekonomi di tempat-tempat pengeluaran di negara Barat telah dapat menarik sebahagian daripada proses pengeluaran dan membantu proses pengumpulan kekayaan bagi tempat-tempat asal syarikat-syarikat di negara asal menerusi bandar-bandarnya. Pertambahan jumlah kilang terutamanya kilang pembuatan milikan pelabur asing telah meluaskan kawasan perindustrian pembuatan ke seluruh Malaysia terutama dalam koridor perindustrian utama negara yang menganjur dari Perlis ke Johor Baru di pantai barat Semenanjung Malaysia, dan kemudian sedikit di koridor pantai timur dari Kelantan ke Johor menyusur pesisir pantai timur Semenjaung Malaysia dengan koridor perindustrian yang lebih kecil di pantai barat Sarawak dan di Sabah. Kawasan perindustrian ini memungkinkan pembandaran orang kampung lebih luas dan mendalam. Kampung-kampung masih mengandungi peratusan besar penduduk negara dalam tahun 1970-an dan berupaya membekalkan pekerja yang diperlukan oleh kilang-kilang.

Terdapat dua bentuk utama hubungan bandar dan kampung ketika ini. Satu bentuk hubungan bandar dan desa yang membolehkan pencarian pekerjaan dipusat perindustrian di bandar dengan pekerja ini tinggal di bandar. Satu bentuk lagi adalah alur yang memungkinkan pekerja berulang alik mingguan atau harian dari rumah di kampung ke kilang di bandar. Dalam bentuk pertama, sungguh pun alur perjalanan ke bandar itu membuka kemungkinan pembentukan satu proses pembandaran yang lebih meluas pekerja ini rata-rata masih terikat kepada alur dan ruang pembandaran sebagaimana ditentukan oleh kegiatan industri itu. Dunia pembandaran migran ini terikat dengan budaya kerja dan pendedahan cara hidup pekerja kilang baik kilang multinasional mahu pun kilang setempat. Dalam dunia kilang tersebut mereka berkelompok ke kegiatan pekerja biasa bawahan dengan gaji yang kecil. Pelabuhan kemasukan mereka ke bandar adalah rumah kediaman tersedia oleh majikan di bandar pada peringkat permulaan bekerja tetapi telah boleh bebas mencari tempat kediaman di taman-taman perumahan pada peringkat lebih maju. Ketika ini juga pekerja migran ini telah menjadi lebih bercampur daripada segi jantina. Semasa pembandaran dalam keadaan ekonomi liberal pada tahun 1950-1960-an dahulu pekerja migran terdiri dari kaum lelaki. Dalam pembangunan affirmatif pada tahun tahun 1970-1980 ini pekerja wanita melebihi bilangan lelaki dalam syarikat-syarikat disebabkan jumlah mereka masih di kampung sememangnya lebih besar sesudah pekerja lelaki keluar lebih awal

dan sebahagiannya kerana keperluan dan pilihan syarikat. Tetapi apa yang penting untuk digarap adalah alur pembandaran sebilangan besar pekerja migran wanita ini bukan lagi ruang dapur tetapi ruang kilang terutamanya ruang syarikat antarabangsa tanpa mengira bahawa ruang aktif mereka masih lagi sektor dalam alam bandar.

Satu bentuk alur pembandaran lagi bagi pekerja dari kampung adalah pekerja sentiasa berulang alik dari rumah di kampung ke kilang di bandar. Hubungan rumah dan kilang menjadi bermakna dan dibolehkan oleh perkhidmatan bas kilang. Peranan bas kilang dalam menghubungkan kampung dengan bandar telah dapat meluluh dan akhirnya hampir berjaya menyahkan keserlahan sempadan bandar dan desa. Alur pembandaran ini membina satu dimensi baru dalam proses pembandaran orang kampung di negara ini. Konsep bandar dan desa dalam situasi ini menjadi semakin kurang bermakna. Cara kehidupan kampung telah bercampur aduk dengan cara bekerja di kilang multinasional, yang satu mesti telah dapat mempengaruhi yang satu lagi. Pekerja ini dapat beralih antara dua ‘dunia’ itu dengan mudah dan selesa. Daripada perspektif bandar dan pembandaran berteraskan bandar ‘tulin’ (bandar utama di negara ini) proses ulangalik dapat membina satu pengalaman sektoral baru dalam proses pembandaran. Pekerja bekerja di kilang, dan justeru dunia bandar mereka berada dalam sempadan kilang dengan amalan bekerja sama ada cara ford atau pengeluaran luwes dan kemudian balik ke rumah kediaman di kampung dengan tradisi dan cara kehidupan kampung tetapi dimudahkan oleh perkakas buatan bandar.

SEKOLAH, KOLEJ DAN UNIVERSITI

Pada ketika anak muda dari kampung mengambil bahagian aktif dalam pembandaran janaan perindustrian, semakin besar bilangan anak-anak dari kampung yang mendapat kesempatan belajar di sekolah tinggi dan kolej di bandar. Secara lebih sedar pelajar memasuki alam bandar dengan tujuan memperolehi pendidikan sehingga ke peringkat yang setinggi mungkin. Alur pembandaran yang pelajar ini lalui adalah lebih terjurus, moden dan terbuka bagi membolehkan mereka terus kekal dalam kehidupan bandar.

Ramai daripada kalangan pelajar ini menambah bilangan mereka dalam kelas menengah dalam masa terdekat ini. Golongan ini menjadi teras kepada sejumlah migran dari kampung yang boleh menguasai kehidupan bandar sebenar setelah mereka memperolehi kelulusan dan menjawat jawatan tinggi dalam institusi dalam bandar. Litar pergerakan mereka dari kampung amat mudah. Dari kampung mereka memasuki bandar melalui sekolah berasrama atau asrama sekolah. Dari sana mereka menjelajahi alam bandar bersama rakan sebaya. Pada peringkat awalnya mereka dilindungi institusi sekolah dan apabila berada di peringkat pengajian universiti mereka sudah mempunyai keyakinan diri untuk terus ‘merundingi’ keadaan serta keperluan bandar. Mereka mungkin tidak dapat juga menandingi

wibawa hubungan kuasa ekonomi dan politik di kalangan masyarakat majmuk dalam bandar yang sudah terbentuk begitu lama tanpa kekuatan ekonomi diri. Bagaimana pun alur ini telah dapat memajukan pengalaman migran dalam bandar lebih jauh daripada kemungkinan yang boleh dialami oleh rakan migran 30-40 tahun lebih awal.

Secara umum, pengalaman pembandaran kumpulan ini masih sektorai tetapi pada peringkat yang lebih mampu mengalami kehidupan bandar yang lebih luas. Pemodenan secara menyeluruh daripada janaan kegiatan-kegiatan semasa perancangan afirmatif di bawah Dasar Ekonomi Baru (DEB) (1970-1990) dan Dasar Pembangunan Negara (DPN) (1990-2000) (Malaysia 1979; 1991) sememangnya telah dapat memberikan keyakinan baru kepada migran dari kampung untuk berada di bandar sebagai warga bandar. Kesedaran tentang perihal pentingnya pendidikan sebagai satu mekanisme pembentukan alur terbaik bagi merealisasikan kemajuan diri dalam persekitaran bandar yang sehingga ketika itu masih lagi ditanggap sebagai ruang kemajuan asing telah melonjakkan anak kampung ke persada bandar. DEB telah memungkinkan migran dari kampung memperolehi tempat lebih bermakna dalam kehidupan bandar. Pengdemokrasian pendidikan memberarkan sebilangan besar anak kampung menjelajah universiti dan memperolehi ijazah terbaik dan langsung bekerja dalam hampir semua sektor termasuk sektor yang dahulunya agak berada jauh daripada jangkauan mereka seperti di peringkat pengurusan pertengahan dan eksekutif sama ada dalam institusi awam atau swasta. Kekuatan ekonomi peribadi daripada peringkat kumpulan baru itu boleh membuka alam bandar dengan lebih bermakna. Walaupun begitu keyakinan diri tersebut masih belum dapat dirasakan sepenuhnya kerana dalam tahun-tahun mutakhir abad ke-20, migran serta penduduk kampung masih dibelengu rasa was-was tentang kemampuan mereka melestarikan keyakinan tersebut dan terus dapat bersaing dalam ruang bandar yang sudah pun ditakrifkan oleh orang bandar dengan keyakinan ekonomi orang itu. Segelintir daripada kalangan migran ini mampu menyaingi etnik lain dalam ruang sosial bandar dan berasa yakin dapat meneruskan kehadirannya dalam ruang tersebut. Selain itu migran tadi masih ‘merundingi’ ruang bandar dan terus berlindung di bawah tajaan DEB dan kuasa politik Melayu seperti yang kelihatan dalam beberapa situasi. Agihan bagi pembelian rumah di kawasan perumahan-perumahan baru masih lagi memberikan potongan 10 peratus kepada pembeli bumiputra berbanding dengan harga jualan bagi pembeli dari etnik lain untuk perumahan jenis yang sama. Keistimewaan yang dikehendaki oleh migran lama masih boleh diperolehi. Sehingga tahun 1990-an tanggapan bahawa ruang bandar itu suatu ruang asing masih kekal. Anak migran yang lahir dan dibesarkan dibandar dalam keadaan keyakinan binaan DEB sudah menanggap ruang bandar itu sebagai sebahagian ruang kegiatan mereka (ruang aktiviti). Tetapi rasa keyakinan diri itu mula luntur juga apabila mereka mahu memasuki sektor ekonomi, perumahan, komersial dan pembuatan. Ini disebabkan oleh keadaan struktur ruang negara yang terbentuk semasa kolonial itu masih ada walaupun di beberapa

bahagian ia dapat diluluh dan diganti dengan sesuatu yang lebih terbuka. Penduduk bandar yang bertapak sejak awal penubuhan bandar modern di Malaysia sudah dapat pun menguasai sebahagian besar semua segi kehidupan bandar. Mereka ini adalah migran juga asalnya tetapi migran yang telah meredah sempadan antarabangsa. Pada akhirnya mereka telah berjaya memposisikan keutuhan mereka. Kemudian mereka berjaya mentakrifkan sebahagian corak setempat ekonomi dan budaya bandar, tetapi rata-rata kumpulan Bumiputra dan migran dari desa masih lagi berada di pinggir keseluruhan perkembangan pembangunan itu.

INTERNET, LAMAN WEB DAN PEMBANDARAN SIBER

Kemajuan teknologi di negara Barat serta ledakan teknologi itu ke seluruh dunia telah memuncak dalam tahun-tahun 1980-an sehingga kesannya memampatkan ruang-masa dalam ruang siber. Penggunaan komputer dalam ruang siber dapat mesingkatkan masa dan meluluh geseran jarak sehingga masa dan ruang hampir boleh kekal di satu tempat. Dalam ruang-masa yang mampat itu mula terbentuk satu jaringan individu, komuniti dan masyarakat di seluruh dunia dengan kompleksnya. Keseluruhan proses kemampatan ruang-masa tadi telah dilabel sebagai satu-satunya proses globalisasi. Proses globalisasi membawa kesan langsung terhadap pengalaman pembandaran orang kampung di Malaysia.

Kesan yang masih samar tentang proses globalisasi terhadap pengalaman pembandaran migran dari kampung boleh dilihat secara lebih luas dalam penggunaan teknologi elektronik semasa yang berlambangkan internet, laman sawang dan pembangunan derivatifnya seperti e-perdagangan, ‘sekolah smart’ dan kegiatan perbankan ATM. Teknologi elektronik ini menyerlahkan pelunsuran dalam internet bagi mencari maklumat tanpa perlunya pengguna tadi bergerak dari meja komputernya. Kini orang kampung yang bekerja dalam sektor ‘bandar’ sudah ramai yang mampu membeli dan memiliki komputer. Kemajuan teknologi itu membebaskan mereka daripada belenggu jarak dan masa seperti dalam keadaan di beberapa dekad lampau. Mereka boleh sahaja berinteraksi melalui e-mail dengan orang di tempat-tempat lain secara mudah dan melayari internet mencari maklumat dari medan maklumat global. Jadi, sebilangan besar di kalangan penduduk negara dapat mengikuti perkembangan di peringkat global dengan mudah dan murah. Biasanya maklumat-maklumat dari dunia luar bermula daripada masyarakat bandarnya. Maka migran dalam bandar sudah boleh juga berinteraksi dalam ruang siber bagi menggarap kejadian di pelbagai sekil di peringkat global. Dalam konteks itu migran ini sudah berada dalam pembandaran hiper.

Sejumlah kecil orang kampung kini boleh juga melayari internet melampaui sempadan negarabangsa dengan mudah tanpa apa-apa sekatan. Oleh demikian orang kampung yang sudah terbuka kepada proses pembandaran setempat boleh pula kini menimba pengalaman pembandaran dari pelusuk dunia dengan menggarap maklumat dalam laman sawang tentang kehidupan dan budaya

masyarakat bandar di negara negara lain. Dalam konteks ini hubungan desabandar di Malaysia menjadi lebih rapi dan perbezaan antara desa dan bandar reput dan hancur. Pengalaman tentang aspek-aspek pembandaran ini dapat dilalui tanpa orang desa meninggalkan bilik komputernya sungguh pun dalam realiti ruang fizikal geografi keadaan fizikal kawasan masih lagi memberi hambatan kental terhadap perjalanan, dan masa masih menjadi satu faktor penting bersama kos ekonomi dalam geseran jarak.

Beberapa kesan penjelajahan ruang siber ini boleh dikesan terhadap pembandaran. Satu kesan paling ketara adalah kemungkinan munculnya kawasan-kawasan kecil penduduk kampung yang mengalami pembandaran hiper dalam erti kata mereka sudah boleh memanfaatkan maklumat termaju global dan lansung dapat membina satu citarasa kemodenan bagi keluarga. Keluarga itu akan terapung sebagai satu pulau kecil dalam satu kawasan desa yang masih terbentang luas. Pulau kemajuan pembandaran ini akan membentuk satu titik permulaan pembauran pengalaman pembandaran bersifat baru dan lain daripada pengalaman yang boleh diperolehi daripada pendedahan langsung semasa memasuki satu-satu bandar utama dalam negara. Dalam landskap desa kawasan-kawasan kecil pembandaran ini akan boleh menyinar dalam perkembangan maklumat terkini global. Cuma masaalah yang akan timbul adalah kebolehan penduduk desa keseluruhan akan memanfaatkan kelebihan mereka dalam kawasan hiper pembandaran. Tambahan pula keluarga tanpa komputer akan terpinggir berterusan dalam arus pembandaran melalui ruang siber. Maka ketidakserataan perkembangan pembangunan seterusnya di kalangan penduduk kampung akan menimbulkan rasa keresahan di peringkat keluarga dalam kampung.

Sehubungan dengan pembandaran hiper dalam kawasan kawasan kecil kemampatan ruang masa boleh mewujudkan peluang yang pelbagai kepada penduduk sama ada yang memiliki peralatan untuk berinteraksi dalam ruang siber atau tidak. Peluang bagi pendidikan untuk pembangunan diri terbuka luas kerana jaringan internet memudahkan pencarian maklumat dari semua pelusuk dunia. Maklumat itu boleh merangkumi aspek sosial, ekonomi, budaya, politik, sahsiah, sains dan teknologi sambil dapat mengumpul maklumat tentang pekerjaan, persekolahan serta peluang membangunkan perusahaan. Daripada beberapa segi penjelajahan ruang siber boleh membantu menyamaratakan pengalaman pembandaran orang kampung dan bandar.

Secara tidak langsung proses globalisasi telah mempengaruhi perubahan struktur dan fungsi bandar Malaysia di struktur ruang pada peringkat ruang sosial. Usaha negara menarik dan mengikat syarikat multinasional supaya terus memberi komitmen kepada pembangunan negara perkembangan bandar tanpa disedari terpengaruh juga oleh perkembangan semasa. Bukan sahaja ahli-ahli profesional syarikat-syarikat ini perlukan ambien masyarakatnya di negara ini, mereka juga cuba mendapatkan kawasan berinteraksi sesama mereka dalam keadaan selesa buat keperluan mereka. Tidaklah menghairankan bahawa sebahagian ruang dan fungsi bandar utama, malahan bandar sederhana dan

kecil di mana kegiatan syarikat multinasional bergiat, telah dijuruskan bagi memenuhi tuntutan keperluan syarikat dan ahli profesionalnya. Kini masyarakat bandar terdedah kepada pusat membeli belah multinasional, pusat riadah yang terjurus kepada keperluan pekerja dari luar negara, dan begitu juga dengan kawasan perumahan, misalnya dengan penyediaan kondominium mewah. Usaha itu adalah untuk golongan profesional dari luar negara. Dalam ketika yang sama kemudahan, prasarana dan perumahan itu boleh dikongsi oleh masyarakat Malaysia yang berkemampuan. Daripada persepsi perancang pembangunan negara dan bandar segala yang telah diusahakan oleh pemerintah dan agensi di bawah kawalannya adalah bertepatan dengan sesuatu yang telah difikirkan oleh negara dalam usaha menjana pembangunan berteraskan pelaburan dari luar negara. Sesetengah projek dan kegiatan bandar itu dibangunkan bagi menyelesaikan keperluan ‘tetamu’ dari luar negara sambil membawa pembangunan dalam negara. Pembangunan dalam haluan ini bagaimanapun membina dan langsung menebalkan struktur ruang lampau yang tidak begitu secukup dengan kemampuan migran dari kampung.

Secara umum, proses globalisasi dengan ikatan teknologinya telah memungkinkan suatu bentuk baru pembandaran di Malaysia. Migran baru dan penduduk masih lagi di kampung menjalani satu bentuk pembandaran yang belum pernah kohort migran lain alami terdahulu dari itu. Ketika ini semua migran dari kampung dalam bandar dan mereka berulang alik harian dari kampung ke tempat kerja di bandar boleh menjelajah alam siber serta dapat menggarap maklumat tentang pelbagai aspek kemodenan di peringkat global dengan mudah dan murah, serta boleh menandingi kaum lain dalam bandar. Dalam ruang geografinya apakah migran dari kampung boleh menguasai bandar untuk keperluannya? Atau mereka masih berada pada tahap hampir sama dengan mereka pada tahun 1950-an daripada segi kedudukan keyakinan mereka dalam kehidupan bandar? Walaupun ruang bandar kolonial yang secara sedar dipecah-pecah mengikut etnik dan fungsi kehidupan bandar terlihat dalam mozek masyarakat bandar semasa pemerintahan kolonial sudah mula cair dan di bahagian-bahagian tertentu hampir luluh, kesan struktur itu masih segar. Migran masih berhadapan dengankekangan yang menghambat kemasukan mereka ke dalam kehidupan bandar dengan sepenuhnya lantaran kekurangan kekuatan ekonomi dan penguasaan keseluruhan selok-belok bandar. Apabila kemajuan mula memberikan manfaatnya kepada Bumiputra dan justeru itu kepada migran dari desa di bawah dasar affirmatif dahulu penduduk bandar daripada kalangan etnik lain telah mendapat manfaat yang lebih jika tidak setimpal dengan yang dinikmati oleh Bumiputra. Migran yang datang ke bandar dalam tahun 1990-an dan migran lama (lebih awal daripada 1990-an) dalam bandar terhambat oleh kekuatan material untuk ‘menguasai’ bandar. Migran yang telah dapat menguasai sebahagian bandar pun merasa tertekan oleh keadaan perkembangan semasa, dan mempersoalkan sama ada mereka akan dapat mengekalkan kelestarian keyakinan mereka dalam tuntutan kehidupan bandar hingga ke generasi seterusnya.

Perubahan bandar dan pengalaman pembandaran yang dilalui oleh migran di bandar dalam proses globalisasi nampaknya belum boleh memberikan keperkasaan dan kekuatan ekonomi untuk keluarganya terus bertahan bagi beberapa generasi mendatang. Sebagai contoh, migran dari desa membayangkan kegusaran tentang kemungkinan anak mereka akan boleh memiliki kesampaian kepada perumahan seperti apa yang mereka boleh nikmati kini. Kebimbangan migran ini boleh difahami kerana dalam konteks pembangunan semasa proses globalisasi itu menampakkan bahawa migran dari kampung akan terpinggir juga dalam arus pembangunan bandar semasa. Lihat sahaja betapa arus utama kegiatan bandar masih dikuasai oleh penduduk bandar yang sudah kukuh kedudukan ekonominya semasa pemerintahan kolonial, dalam dekad-dekad awal kemerdekaan. Kini penduduk asal bandar ini boleh mendapat manfaat yang lebih besar daripada pergolakan pembangunan.

Penguasaan migran kampung tentang kegiatan bandar itu amat kecil. Dalam konteks itu migran tadi masih terus tercari-cari cara yang terbaik untuk membolehkan mereka menjadi sebahagian daripada masyarakat bandar yang bermakna. Jadi, mereka masih cuba merundingi selok belok tuntutan bandar dan tidak mungkin memperagakan keyakinan serta kuasa bagi menyaingi komuniti lain di bandar tersebut. Dalam keadaan ini kita boleh nyatakan bahawa daripada segi persepsinya migran ini belum boleh menganggap bahawa penglibatan mereka dalam kehidupan bandar masih belum sepenuh yang diharapkan. Bandar itu masih lagi ‘asing’ kepada migran ini seperti tanggapan yang pernah di alami oleh migran beberapa dekad lampau walaupun rasa keasingan mereka itu mungkin kurang tebal kini kerana keyakinan diri sudah mula terbina sejak Dasar Ekonomi Baru lagi di bawah naungan campur tangan negara. Mereka akan cemas kembali sekiranya naungan ini menjadi lemah apatah lagi luput.

GEOGRAFI DAN KAJIAN PEMBANDARAN MASA DEPAN

Proses sosial yang membentuk struktur ruang dalam ruang siber terjelma pula dalam ruang geografi dengan mengaitkan masyarakat Malaysia yang semakin dinamis stratifikasi sosioekonominya, berhadapan dengan teknologi maklumat, syarikat multinasional dan transnasional, negara dan gerak kuasa di peringkat global telah membina pelbagai bentuk aliran penduduk dalam negara. Proses globalisasi telah digerakkan oleh modal. Ini perlu diolah sama ada menerusi pendekatan liberal, demokratik sosial atau menurut haluan ketiga (Giddens 1998). Jadi bagi memahami kaitan ini perspektif dan amalan geografi kawasan dan sains ruang mungkin tidak memberikan ketajaman liputan analisis serta kerelevan yang bermakna dalam penegembangan selanjutnya disiplin ilmu ini dan pada akhirnya pembentukan dasar. Mengamati struktur dalam ruang geografi menerusi aktiviti sosial, iaitu ruang geografi yang dibentuk oleh hubungan-hubungan sosial, yang berkaitan langsung dengan penggunaan prasarana alam siber akan

memungkinkan penerusan membina input terhadap perkembangan akademik disiplin geografi dalam masa mendatang.

Perspektif yang lebih menepati keperluan itu harus bermula dengan membincangkan peranan negara dalam menjanakan struktur ruang dengan lebih terjurus. Dalam tiga dekad akhir abad kedua puluh negara Malaysia sememangnya telah mengambil bahagian aktif dalam mempengaruhi keseluruhan kehidupan dan bilangan penduduknya dan seterusnya mempengaruhi juga arah perubahan persekitarannya. Justeru itu, ruang dapur, kebun di bandar, kemudian berek polis serta kem askar dan seterusnya rumah setinggan dan hostel pekerja dan hostel sekolah semakin berubah bentuknya selari dengan perubahan yang sudah dialami negara. Sebagai contoh pembandaran melalui ceruk dapur sudah menyaksikan penghuni daripada kalangan migran antarabangsa dan amat kecil bilangan migran dari desa negara menuju ke ruang itu kini.

Sejak dekad-dekad ke belakang ini bidang geografi sudah mula menggunakan kerangka analisis yang membawa masuk persoalan negara kerana mahu mewacanakan keupayaan negara melangsungkan tugasannya seterus dalam pembangunan dan mengawal kegiatan ekonomi serta kegiatan lain yang terikat kepada danya dalam arus globalisasi (O'Brien 1992). Sudah semestinya analisis yang menggunakan pendekatan sedemikian adalah relevan kepada Malaysia kini. Bayangan tentang pergerakan modal tanpa sesuatu letakan khusus bergerak bersama maklumat dan sifat-sifatnya menerusi ruang siber boleh menggemarkan disiplin ilmu geografi kerana atas konsepnya sudah mula cair dan lesap dalam kenyataan baru. Lebih menggugat lagi maklumat dan modal itu mengalir menyeberangi sempadan negara-bangsa dengan mudah, tanpa memerlukan pemeriksaan visa dan sebagainya seperti kebiasaan yang dilakukan dalam perjalanan dalam ruang geografi. Keutuhan negara akan tergugat dalam situasi itu. Semestinya analisis perubahan dalam ruang geografi berteraskan negara sebagai konsep yang mendasari penelitian itu akan memberikan hasil yang lebih menyeluruh.

Analisis negara itu harus dikaitkan dengan analisis peranan syarikat-syarikat yang menjana pertumbuhan ekonomi dan menggerakkan pembangunan di Malaysia dan seterusnya menghasilkan bentuk-bentuk aliran penduduk. Negara telah menyediakan dasar untuk membolehkan syarikat datang melabur dengan mudah. Dasar itu diimplementan oleh pentadbiran menerusi birokrasinya. Pelbagai hubungan antara negara dan syarikat itu wujud bagi membolehkan kegiatan syarikat itu bergerak bagi memenuhi matlamatnya, iaitu keuntungan. Hubungan syarikat dan pekerja terbentuk bagi menjayakan usaha pengeluaran syarikat. Lakaran terperinci tentang hubungan itu perlu bagi memahami bukan sahaja prilaku negara tetapi syarikat. Sehubungan dengan perkara di atas penelitian geografi harus juga menyentuh hal-hal yang berkaitan dengan pengurusan dan perancangan bandar dalam wilayahnya. Persoalan asas yang harus dikemukakan ialah ‘Apakah pengurusan bandar boleh merancang pembangunan bandar dalam arus globalisasi?’

Bagaimanapun apa yang dibincangkan di atas tadi merupakan satu perspektif bagi meneliti migrasi dalaman dalam dekad-dekad mendatang. Oleh kerana migrasi dalaman itu nanti akan diteliti sebagai bentuk yang dibina oleh proses globalisasi, maka migrasi dalam konteks itu dilihat sebagai satu epifenomena. Sebaliknya globalisasi telah menyerlahkan kembali keutuhan tempat. Ini bererti suara masyarakat setempat itu perlu didengar dan diberi tempat dalam pergolakan global. Jadi kajian migrasi juga, sebagaimana yang diungkapkan oleh Silvey dan Lawson (1999) perlu dikonsepsikan dalam budaya setempat. Konsep-konsep setempat tentang migrasi dan kesemua bentuk pergerakan penduduk dalam ruang sosial dan ruang siber yang khusus kepada budaya setempat perlu di perhatikan supaya kesemua jenis aliran ruangan penduduk itu memberi makna terhadap mobilitinya sendiri dan bukan digerakkan oleh pembangunan. Berkemungkinan dengan meneliti kedalam tentang ‘embeddedness’ mobiliti penduduk itu sendiri kita akan dapat memahami aliran ruangan penduduk dan membina teori mobiliti yang bersesuaian dengan budaya setempat.

RUJUKAN

- Agnew, J. & J. Duncan (ed.). 1989. *The Power of Place: Bringing Together Geographical and Sociological Imaginations*. Boston: Unwin Hyman.
- Castells, M. 1975. *The Urban Question: Marxist Approach*. London: Edward Arnold.
- Castells, M. 1996. *The Rise of Network Society. Volumne I*. Oxford: Blackwell Publishers Ltd..
- Chisolm, M. 1978. Theory Construction in Geography. *S.A. Geograaf* 6 (2): 113-129.
- Giddens. A. 1998. *The Third Way*. Cambridge, UK: Polity Press.
- Glassman J. dan Abdi Ismail Samatar. Development Geography and the Third-world State. *Progress in Human Geography* 21 (2): 164-198.
- Gregory, D. 1978. *Ideology, Science and Human Geography*. London: Hutchinson.
- Gregory, D. 1994. *Geographical Imaginations*. Oxford: Basil Blackwell.
- Gregory, D. & J. Urry. 1985. *Social Relations and Spatial Structure*. London: MacMillan.
- Graham, S. 1998. The End of Geography or the Explosion of Place?: Conceptualising, Space, Place and Information Technology. *Progress in Human Geography* 22 (2): 165-185.
- Haggett, P. 1965. *Locational Analysis in Human Geography*. London: Edward Arnold.
- Hartshorne, R. 1959. *Perspective on the Nature of Geography*. Washington DC: Assosciation of American Geographers.
- Harvey, D. 1969. *Explanation in Geography*. London: Edward Arnold.
- _____. 1973. *Social Justice and the City*. London: Edward Arnold.
- _____. 1985. *The Urbanisation of Capital*. Oxford: Basil Blackwell.
- _____. 1989. *The Condition of Post Postmodernity: An Enquiry into the Origins of Cultural Change*. Oxford: Basil Blackwell.
- _____. 1990. Between Space and Time: Reflections on the Geographical Imagination. *Annals of the Association of American Geographers* 80: 418-434.
- Hugo, G.J. 1978. *Population Mobility in West Java*. Yogyakarta: Universitas Gadjahmada.
- King, A.D. 1976. *Colonial Urban Development*. London: Routledge and Kegan Paul.

- Lefebvre, H. 1991. *The Production of Space*. Oxford: Basil Blackwell.
- MacGee, T.G. 1971. *Urbanisation Process in the Third World*. London: Arnold.
- Malaysia. 1971. *The Second Malaysia Plan*. Kuala Lumpur: Government Printer.
- _____. 1991. *The Second Perspective Development Plan*. Kuala Lumpur: Government Printer.
- Massey, D. 1985. *Spatial Division of Labour: Social Structures and the Geography of Production*. London: Macmillan.
- NAS/NRC. 1965. *The Science of Geography*. Washington DC: National Academy of Sciences/National Research Council.
- Negri Sembilan State. 1950. *Annual Report 1949*. Kuala Lumpur: Government Printer.
- O'Brian, R. 1992. *Global Financial Integration: The End of Geography*. London: Pinter.
- Silvey, R. & V. Lawson. 1999. Placing the Migrant. *Annals of the Association of American Geographers* 89 (1):121-132.
- Slater, D. 1973. The Poverty of Modern Geographical Enquiry. *Pacific Viewpoint* 16: 159-188.
- Smith, N. 1990. *Uneven Development: Nature, Capital and the Reproduction of Space*. Oxford: Basil Blackwell.
- Soja, E.W. 1989. *Postmodern Geographies: The Assertion of Space in Critical Social Theory*. London: Verso.
- Stoddart, D.R. (ed.). 1981. *Geography, Ideology and Social Concern*. Oxford: Basil Blackwell.
- Subbiah, S.P. 1999. Geographic Space and Social Space; A Continuum. *MINPAKU Anthropology Newsletter* 8: 3-5.
- Thrift, N. & A. Pred. 1981. Time-Geography: A New Beginning. *Progress in Human Geography* 5: 277-286.
- Tuan, Yi-Fu. 1976. Humanistic Geography. *Annals of the Association of American Geographers* 66: 266-276.
- Wooldridge, S.W. & W.G. East. 1952. *The Spirit and Purpose of Geography*. New York: Hutchinson's University Library.

Professor Dato' Dr. Abdul Samad Hadi
Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik)
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor Darul Ehsan
Malaysia